

The logo for CREATE e-newsletter is displayed on a dark blue background. The word "CREATE" is written in a large, white, sans-serif font, with the letter "R" highlighted in yellow. Below "CREATE", the words "e-newsletter" are written in a smaller, white, lowercase, sans-serif font. A thin yellow horizontal line is positioned at the bottom of the logo area.

CREATE

e-newsletter

Kolaborasi strategik UMP dan Agrico dalam pembangunan produk Qatar

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bekerjasama dengan Syarikat Agrico for Agricultural Development, pembangunan produk, pengkomersialan dan pertukaran kepakaran bagi kegunaan pertanian di rumah hijau.

Agrico merupakan sebuah syarikat pembekal sistem dan hasil tanaman dari kaedah Rumah Hijau (*Green House*).

Kejayaan dua penyelidik UMP, Dr. Noormazlinah Ahmad dan Dr. Siti Hajar Noor Shaarani daripada Fakulti Pertanian (FTKPP) telah berjaya menyakinkan pihak Agrico apabila produk cecair baja organik dengan prebiotik yang dihasilkan Agrico dan berjaya menghasilkan pengeluaran tanaman yang sangat baik.

Majlis menyaksikan Naib Canselor UMP, Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengerusi Pengerusi Pertanian dan Agricultural Development, Qatar, Ahmed Hussain Al-Khalaf menandatangani Memorandum Persefahaman di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur.

MoU tersebut turut disaksikan oleh Duta Negara Qatar di Malaysia, H.E Fahad Mohammed Kafoud, Ketua Lembaga Antirasuah Nasional di bawah Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pengeluaran Pertanian, Dato' Haji Ishak Mohd. Napis yang mewakili kerajaan negeri Sarawak dan Pegawai Daerah Cameron Highlands, Dato' Haji Ishak Mohd. Napis yang mewakili kerajaan negeri Sarawak.

Menurut Profesor Ir. Dr. Wan Azhar, pihaknya mengalu-alukan kerjasama strategik dengan pihak Agrico untuk memanfaatkan UMP dalam berkongsi kepakaran bagi menepati keperluan industri pada masa hadapan, berkecuali peringkat antarabangsa.

"Jalinan kerjasama ini juga pastinya akan meningkatkan kredibiliti UMP dalam menerajui program Pendidikan Vokasional (TVET) aras tinggi.

"UMP bakal bekerjasama dengan pihak Agrico dalam bidang penyelidikan, pembangunan produk, pengkaji kegunaan pertanian yang akan diguna pakai di rumah hijau milik Agrico di Doha Qatar.

"Selain dari formulasi baharu yang akan dibangunkan, kolaborasi ini akan turut melibatkan penerokaan produk organik dengan prebiotik yang dinamakan *Pre-Pecto* pada skala besar.

"Saya amat berbangga dengan hasil dan usaha yang telah dan sedang dijalankan oleh kedua-dua penyelidik dan semoga lebih ramai penyelidik di UMP berusaha untuk menerokai peluang kerjasama di peringkat antarabangsa Islam seluruh dunia," katanya.

Manakala bagi Ahmad Hussain pula, pihaknya berbangga dengan kejayaan penyelidik UMP yang berjaya melaksanakan kerjasama ini dapat menghasilkan pengeluaran makanan buah-buahan dan sayur-sayuran organik yang bukan sahaja dilaksanakan di negara Qatar malahan di Malaysia serta lain-lain negara.

Majlis turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi, Aainaa Syafini Mohd Radzi manakala Pengurus Projek, Dr. Fahad Saleh dan Pengurus Pengeluaran, Khairi

Manfaatkan kehidupan dan gembirakan insan lain sa

Sentiasa hiasi kehidupan dengan berbuat kebaikan dan memberi manfaat kepada insan lain.

Manfaat ini tidak sahaja terhad dengan memberikan sesuatu seperti harta atau barangan malahan cukup sahaja dengan membantu meringankan beban orang di sekeliling kita. Komitmen untuk menolong tidak mengira jawatan atau kedudukan orang yang menolong.

Menurut Imam Besar Masjid Negeri Pahang, Ustaz Dato' Haji Badli Shah Haji Alauddin dalam kehidupan seharian, sikap berkeadilan atas kejayaan untuk berkongsi kegembiraan dengan orang lain juga merupakan sifat yang terpuji.

“Begitu juga apabila berinteraksi, sebaiknya kita bercakap dengan bahasa yang elok dan menggunakan bahasa yang baik apabila berkomunikasi memandangkan kita hidup bermasyarakat.

“Perasaan baik sangka sesama insan sangat dituntut bagi menjamin hubungan persahabatan serta persahabatan yang bebas daripada sangka buruk, maka yang ada dalam hati adalah sangkaan yang baik-baik saja.

“Pada masa sama, kelebihan baik sangka adalah dapat mengelakkan masyarakat daripada berpecah belah dan persatuan dan organisasi.

“Buang sifat dengki, bermuafakat dan berada dalam persatuan menjadikan ahlinya saling membantu, dan dimanfaatkan kepada insan lain. Misalnya, menyediakan saluran bantuan sumbangan makanan percuma kepada orang yang memerlukan buat staf boleh menggembirakan mereka,” katanya pada 21 Januari 2020 yang lalu di Dewan Bankuet Can

Tambahnya, terdapat empat amalan yang mana Allah SWT akan meninggikan darjat seseorang iaitu beramal soleh, sombong, suka menolong orang dan berbudi pekerti yang mulia.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan warga UMP untuk terus berganding bahu dan memberi sokongan dengan matlamat untuk menyemai sikap tolong-menolong dan saling bantu-membantu.

Ustaz Dato' Haji Badli Shah hadir menyampaikan ceramah bertajuk 'Sejahtera UMP - Muafakat Membawa Cendekiawan Mulia bersempena Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Pertama Persatuan Kebajikan & Kesejahteraan'.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Ts. Dr. Mohd. Rosli Hainin, dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie

Zainuddin dan Pengerusi Jawatankuasa Penaja SEJAHTERA, Dr. Muhammed Nafis Osman Zahid.

SEJAHTERA merupakan satu platform yang dapat menghimpunkan seluruh entiti staf dari pebagai peringkat yang akan terus memperkasakan nilai teras UMP.

Ia juga dilihat sebagai pemangkin dalam mewujudkan komuniti UMP yang mempunyai persefahaman, menghormati-hormat-menghormati untuk terus 'Bergerak Bersama' UMP mencapai kegemilangan.

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
nc@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Zainuddin Mat Husin
zmh@ump.edu.my

EDITOR

Safriza Haji Baharuddin
safriza@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Nur Hartini Mohd Hatta
nurhartini@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

PENTADBIR WEB

MOHD SUHAIMI BIN HASSAN
mohdsuhaimi@ump.edu.my

PEREKA GRAFIK

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

Muhammad Naufal Samsudin
naufal@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatulazlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Sidang Editorial berhak melakukan tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang diterima untuk penyiaran selagi tidak disetujui oleh Sidang Editorial. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggariskan sikap Buletin e-CREATE. Karya yang disiarkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor adalah tanggungjawab penulis.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa yang dikirimmkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimmkan ke Sidang Editorial tidak dikembalikan. Sumbangan karya berkepentingan kepada penerbit di:

EDITOR

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-424 5000
Faks: 09-424 5055
e-Mel: *safriza@ump.edu.my*

ISSN 1823-7487



9 771823 748004



5-Star World Class Technological University
www.ump.edu.my



- 46 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

